

12 MAY 2000

Umno-MB (Analisis Berita)

MENTERI BESAR TIDAK PERNAH ALAMI NASIB SETERUK INI

Oleh: Azman Ujang

KUALA LUMPUR, 12 Mei (Bernama) -- Menteri Besar di negeri-negeri yang diterajui oleh Umno sentiasa dianggap sebagai satu kuasa yang tidak mungkin ditawarkan daripada segi pemilihan parti.

Sebagai ketua eksekutif negeri dan ketua parti peringkat negeri masing-masing, mereka sentiasa dipilih ke Majlis Tertinggi (MT), badan pembuat dasar paling tinggi dalam Umno.

Tetapi, kini tidak lagi. Pemilihan parti yang baru selesai menunjukkan bahawa mereka semakin hilang cengkaman sebagai pilihan automatik anggota perwakilan bagi menduduki MT.

Sebenarnya, mereka tidak pernah mengalami nasib yang seburuk ini.

Kali ini, semua empat Menteri Besar yang bertanding bagi naib presiden, jawatan ketiga paling berkuasa dalam Umno, telah tewas.

Sudah sekian lama, Umno mempunyai sekurang-kurangnya satu naib presiden daripada kalangan Menteri Besar, malahan pada 1993, dua Menteri Besar berjaya menyandang jawatan itu, dengan mengetepikan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang kini timbalan presiden dan timbalan perdana menteri.

Pengaruh Menteri Besar dalam politik Umno negeri mereka adalah cukup hebat. Ini dapat dilihat daripada pencalonan bahagian-bahagian parti untuk jawatan MT yang mereka tandingi, semuanya memihak kepada mereka.

Dalam satu kes sedemikian, calon naib presiden Tan Sri Muhyiddin Yassin mengadu kepada kepimpinan parti mengenai percubaan Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman menghalang bahagian-bahagian Umno di negeri itu daripada mencalonkannya dan seorang lagi calon Johor, Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Dalam perebutan jawatan naib presiden itu, Abdul Ghani memperolehi 79 pencalonan, yang kedua tertinggi berbanding hanya 29 bagi Muhyiddin.

Tetapi amat mengejutkan apabila Muhyiddin, yang menerima pencalonan paling rendah di kalangan sembilan calon Naib Presiden, dipilih untuk mengandangi jawatan itu semalam. Abdul Ghani tewas dengan menduduki tempat ketujuh.

Kekalahan Abdul Ghani menimbulkan persoalan mengenai kewibawaan pencalonan di peringkat bahagian terutama daripada aspek dakwaan-dakwaan yang dibangkitkan seperti yang dibuat oleh Muhyiddin itu.

Selain itu, kehadiran empat Menteri Besar untuk merebut jawatan Naib Presiden mengakibatkan perpecahan undi untuk mereka dan akhirnya mereka terpaksa akur dengan kekalahan masing-masing.

Menteri Besar Perlis Datuk Seri Shahidan Kassim juga gagal dipilih ke Majlis Tertinggi walaupun terdapat 25 kerusi untuk direbut. Beliau berada di tempat ke-38 daripada 63 calon.

Reputasi kelab Menteri Besar dan Ketua Menteri, yang suatu ketika dahulu cukup berkuasa, juga semakin merosot selepas pilihan raya umum November tahun lepas.

Tan Sri Ramli Ngah Talib, yang merupakan Menteri Besar Perak selama 16 tahun, ditukarkan ke Kuala Lumpur selepas memenangi kerusi Parlimennya dan dilantik sebagai timbalan menteri, yang nyata satu penurunan pangkat.

Begitu juga dengan Ketua Menteri Melaka sebelum ini, Datuk Seri Abu Zahar Isnin, yang berpindah ke persekutuan dan dilantik ke jawatan yang lebih rendah sebagai Setiausaha parlimen.

Dalam perebutan kerusi Majlis Tertinggi kali ini, populariti Ramli terus merosot walaupun beliau masih mampu menang, dengan menduduki tempat yang ke-23 daripada 25 yang dipilih.

Ini sungguh berbeza dengan keadaan pada pemilihan Umno 1996 apabila Ramli merupakan seorang daripada tujuh calon bagi tiga jawatan Naib Presiden. Beliau memperolehi kedudukan yang agak baik

-- keempat.

Kekalahan empat ketua Umno negeri -- Ketua Menteri Sabah Datuk Osu Sukam, Menteri Besar Selangor Datuk Seri Abu Hassan Omar, Menteri Besar Johor Abdul Ghani dan Menteri Besar Negeri Sembilan Tan Sri Isa Samad -- dalam perebutan naib presiden kini bermakna semuanya tidak akan menduduki kerusi Majlis Tertinggi kecuali jika mereka dilantik oleh Presiden parti dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Memandangkan Menteri Besar Kedah Syed Razak Syed Zain memilih untuk tidak bertanding kerusi MT, bermakna lima ketua Umno negeri tidak berada dalam majlis itu, satu keadaan yang tidak pernah berlaku sebelum ini.

Dr Mahathir selaku presiden parti mempunyai pilihan untuk melantik 10 orang ke dalam MT. Tetapi jika separuh daripada jumlah itu diisi oleh ketua-ketua Umno negeri tersebut, terutamanya empat orang yang tewas itu, ia pasti mengecilkan peluang bagi pemimpin parti yang sedang naik untuk merasai kehebatan berada dalam badan pembuat dasar yang berprestij itu.

-- BERNAMA

AU NAK NMO